

Mengenali Masyarakat Jawa

Haifa Bajunaid Hariz¹, Nur Syahraini Syazwani Osman¹, Ahmad Zam Hariro¹, Mohd Nazir Ahmad¹, Azmi Ab Rahman¹ dan Mashitah Sulaiman²

¹**Fakulti Pengurusan Maklumat**

UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

²**Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan & Pusat Pengajian Teras**

Universiti Sains Islam Malaysia,

Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.

Abstrak

Masyarakat Jawa merupakan masyarakat yang berasal dari dua daerah yang berbeza dan tinggal di daerah tersebut iaitu di daerah Jawa Tengah dan juga Jawa Timur (Muftahul Huda, 2007). Banyak perkara yang masih tidak diketahui tentang masyarakat Jawa ini. Sehubungan dengan itu,satu kajian telah dijalankan bertujuan mengenali secara lebih dekat masyarakat Jawa yang menetap di Malaysia serta dapat menelusuri budaya dan tradisi mereka yang sejurnya mempunyai caranya tersendiri berbanding masyarakat Melayu dan juga masyarakat lain yang tinggal di Malaysia ini. Selain itu, artikel ini, juga menerangkan faktor-faktor yang menyebabkan masyarakat Jawa berhijrah ke Tanah Melayu dan seterusnya mendapat hak penempatan untuk tinggal di Malaysia. Disamping itu juga, artikel ini turut menerangkan ciri-ciri masyarakat Jawa yang harus kita contohi dan juga tradisi serta budaya masyarakat Jawa yang belum diketahui oleh segelintir masyarakat Melayu sehingga ke hari ini. Berikutnya dengan itu, satu sesi temubual bersama Tuan Haji Mohd Kamarudin bin Sabran yang merupakan generasi ketiga berketurunan Jawa menjelaskan berkenaan masyarakat Jawa.

Kata kunci: Jawa, Budaya, Nasi Ambeng, Masyarakat, Malaysia.

Pengenalan

Kepelbagaiannya kaum dan budaya di Malaysia menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju dan harmoni. Kaum yang paling ramai tinggal di Malaysia terdiri daripada Melayu, India dan Cina. Dalam kumpulan tersebut, terdapat juga beberapa pecahan etnik yang sudah semestinya berbeza dari segi budaya, bangsa, agama dan adat resam masing-masing. Dalam tugas kali ini kami memilih etnik. Jawa iaitu Mengenali Masyarakat Jawa sebagai tajuk bagi kajian melalui kaedah sejarah lisan. Tajuk ini dipilih kerana dari segi bahasa pertuturan mereka mudah difahami berikutan sedikit sebanyak kehidupan mereka mempunyai persamaan dengan masyarakat Melayu. Selain dari itu, masyarakat Jawa mudah didekati dan bersifat kemasyarakatan.

Berdasarkan artikel daripada Muftahul Huda (2007), beliau menyatakan bahawa masyarakat Jawa merupakan masyarakat yang tinggal di bahagian tengah Pulau Jawa dan bahagian Timur Jawa di Indonesia serta menjadikan bahasa Jawa sebagai bahasa utama penuturan mereka dalam kehidupan seharian. Selain itu juga, kebanyakan masyarakat hari ini tidak mengetahui dan mengkaji adat-adat masyarakat lain untuk dijadikan sebagai maklumat tambahan. Namun, dengan adanya beberapa budaya dan tradisi yang masih dikekalkan pada hari ini menyebabkan perkataan “Jawa” itu masih dikenali umum sebagai contoh dari segi bahasa loghat pertuturan serta makanan terkenal mereka yang disukai oleh segelintir masyarakat di Malaysia ini.

Sejarah Kedatangan Masyarakat Jawa Ke Tanah Melayu

Khazin Mohd. Tamrin (1977), menjelaskan bahawa sebelum abad kesembilan lagi kedatangan orang-orang Jawa ke Tanah Melayu telah bermula. Masyarakat Jawa juga telah mempunyai sebuah perkampungan yang terletak di sebelah Hilir Melaka ketika zaman kegemilangan Kesultanan Melaka. Walaubagaimanapun, perkampungan mereka hanyalah sebuah perkampungan bagi pedagang-pedagang sahaja. Selain itu, perkampungan mereka juga turut musnah selepas kira-kira satu dekad di bawah pemerintahan Portugis semasa Portugis menakluki Melaka. Sehubungan dengan itu, sejak

abad ke 16 hingga abad 18, penempatan orang-orang Jawa di Malaya tidak dapat dikesan. Ini adalah kerana terdapat kemungkinan bahawa tidak adanya faktor tarikan yang boleh menggerakkan mereka untuk datang ke Tanah Melayu.

Ini ditambah pula dengan keadaan di mana Jawa masih belum lagi merasai kesan-kesan yang memuncak akibat penjajahan, serta pertambahan penduduk dan juga masalah-masalah ekonomi yang kurang seperti kekurangan tempat penempatan dan juga sumber makanan.

Pada abad ke 19 ia merupakan zaman perubahan di dalam ekonomi dunia di mana kawasan Tenggara Asia, khususnya kepulauan Melayu adalah merupakan kawasan pembekal utama bahan-bahan mentah kepada negara-negara Eropah. Para penjajah yang berkenaan telah mulai menjalankan rancangan-rancangan ekonominya. Malah, British di Tanah Melayu, sejak awal abad 19 lagi, memang sudah mengalami masalah kekurangan tenaga buruh berikutan kurangnya bilangan penduduk tempatan dan juga kurangnya minat penduduk tempatan untuk bekerja sebagai buruh-buruh kapitalis barat dan kerajaan. Salah satu program kerajaan British adalah melalui rancangan pembangunan pertaniannya dengan membuka kawasan-kawasan baru di luar bandar. Ini bermakna ia memerlukan tenaga-tenaga manusia yang ramai, berpengalaman, dan penuh dedikasi dalam usaha-usahanya. Untuk menyelesaikan masalah ini, British begitu menaruh harapan dan kepercayaan kepada penghijrahan buruh-buruh dari Indonesia. Beberapa langkah tertentu telah dijalankan untuk menggalakkkan kedatangan mereka.

Menurut Tuan Haji Mohd Sabran orang Jawa sememangnya kuat bertani. Oleh itu, apabila apabila mereka mendapat tahu di Malaysia mempunyai banyak peluang pekerjaan, merekalah orang yang paling ramai hendak datang ke Tanah Melayu untuk bekerja sebagai buruh dan membuka hutan. Kemudian mereka akan membuat rumah yang mempunyai lantai yang tinggi daripada tanah untuk menjaga keselamatan kerana dipercayai terdapat banyak binatang buas seperti harimau dan gajah. Sikap masyarakat Jawa yang bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu sehingga membawa kejayaan telah menarik minat kerajaan pada masa itu untuk memberi hak penenempatan. Dan sehingga ke hari ini, populasi masyarakat Jawa sudah bertambah di beberapa negeri termasuk Johor, dan Negeri Sembilan. Selain itu juga, menurutnya lagi, masyarakat Jawa kebanyakannya tinggal di pantai

barat berbanding pantai timur kerana pantai barat berdekakatan dengan mereka dan juga mempunyai tanah yang subur untuk mereka bercucuk tanam.

Kaedah Kajian

Bagi menyiapkan tugas ini, kaedah kajian yang kami jalankan adalah berbentuk temubual bersama Tuan Haji Kamarudin bin Sabran yang merupakan generasi ke tiga masyarakat Jawa yang tinggal di Kampung Bukit Kapar, Klang. Temubual ini dijalankan bagi mendapatkan maklumat secara terperinci berkenaan tajuk yang dipilih iaitu mengenali masyarakat Jawa. Setelah membuat penelitian, kami mendapati bahawa beliau memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Sebanyak 123 soalan berhubung dengan masyarakat Jawa telah disediakan dalam temubual ini. Setiap soalan yang dikemukakan telah dijawab dengan jelas dan padat berkenaan masyarakat Jawa. Selain itu, temubual ini turut dirakam dan ditranskripkan dalam bentuk buku untuk dijadikan sebagai bahan rujukan oleh pengkaji lain.

Bahasa Jawa Sebagai Bahasa Pertuturan

Masyarakat Jawa juga mempunya beberapa kriteria yang menarik untuk dikongsikan. Menurut Anas Aron (2018), dalam artikel yang bertajuk “Cara mudah belajar bahasa Jawa” mengakui bahasa Jawa ini merupakan bahasa daerah terbesar pertama yang ada di Indonesia selain bahasa Sunda. Bahasa Jawa juga mempunyai banyak jenis dan ramai yang ingin mempelajari kerana keunikkan bahasa itu sendiri.

Tambahan pula, dengan jumlah penduduk yang majoriti menggunakan bahasa Jawa sebagai bahasa perhubungan. Penggunaan bahasa jawa juga sangat meluas sehingga ke luar negeri. Orang Jawa juga mempunyai loghatnya tersendiri sepetimana orang Melayu. Ini mungkin terjadi kerana dipengaruhi oleh persekitaran masyarakat orang Jawa di daerah barat Pulau Jawa adalah berbeza dengan penduduk Jawa tengah yang terkenal dengan kesopanan dan kelembutan ataupun di Jawa Timur yang cenderung lebih kasar. Menurut Tuan Haji Mohd Kamarudin (2019), golongan masyarakat Jawa

yang berumur dalam lingkungan 30 tahun kebawah sudah ramai yang tidak boleh bertutur dalam bahasa Jawa. Mereka faham apabila ibu bapa mereka bercakap menggunakan bahasa Jawa, namun mereka membalaunya dengan menggunakan bahasa Melayu. Ini adalah kerana faktor pembelajaran dan keadaan sekeliling yang mengutamakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama malahan ibu bapa mereka juga tidak mempraktikkan bahasa Jawa dalam kehidupan sehari-hari. Senario ini amat membimbangkan kerana ia menyebabkan bahasa Jawa pada masa akan datang menjadi pudar dan hilang ditelan zaman.

Keagamaan

Menurut Dr Tarmizi (2019), masyarakat Jawa menganut agama seperti Islam, Kristian atau agama lain. Dalam kehidupan sehari-hari, masyarakat Jawa banyak terpengaruh oleh ajaran dan kepercayaan Hindu dan Buddha dalam tradisi dan budaya mereka berikutan segelintir daripada kalangan mereka masih mewarisi agama nenek moyang mereka sehingga sekarang. Bagi yang beragama Islam, kebiasaanannya bagi masyarakat Jawa ianya akan dibahagikan kepada dua golongan besar. Yang pertama dipanggil santri iaitu golongan yang menganut Islam murni dan yang kedua ialah abangan iaitu golongan yang menganut Islam. Menurut Tuan Haji Mohd Sabran, masyarakat Jawa yang sebenarnya memang kuat beragama iaitu agama Islam dan percaya dengan kelebihan sembahyang, berdoa dan beribadah yang dapat memberi keyakinan kepada mereka untuk mendapatkan sesuatu.

Budaya, Adat dan Tradisi Masyarakat Jawa

Kebudayaan asli Jawa telah wujud sejak zaman pra-sejarah lagi iaitu dengan kedatangan bangsa Hindu di tanah Jawa. Sehubungan itu, adat istiadat Jawa juga tidak terlepas daripada dipengaruhi oleh unsur-unsur asli Jawa dan Hindu. Bagi mendalami nilai adat dan istiadat masyarakat, terdapat nilai-nilai yang diguna pakai dalam kehidupan sehari-hari iaitu nilai kebersamaan, keakraban dan keturunan sekaligus meletakkan individu adalah sama

darjatnya antara satu sama lain kecuali golongan yang memiliki kedudukan yang lebih tinggi dalam masyarakat. Selain itu, masyarakat Jawa juga mempunyai tradisinya yang tersendiri dalam pelbagai aspek seperti perkahwinan, kelahiran, kematian, pemakanan dan juga permainan.

Perkahwinan

Dalam adat masyarakat Jawa berkaitan upacara perkahwinan, terdapat adat-adat sebelum perkahwinan, adat istiadat ketika upacara perkahwinan dan adat-adat selepasnya. Ini menunjukkan bahawa dalam suatu perkahwinan ianya melibatkan ketiga-tiga proses tersebut supaya suatu perkahwinan berjalan dengan lancar. Sedikit sebanyak ianya mempuayai persamaan dengan budaya masyarakat Melayu. Tetapi kini, menurut Tuan Haji Mohd Kamarudin (2019), adat dan istiadat kini menjadi kurang penting dalam kehidupan masyarakat moden berikutan kemajuan zaman dimana adat dalam upacara pernikahan sudah jarang dilakukan. Ini berikutan masyarakat ramai yang bekerjaya dan tidak mempunyai masa yang cukup untuk mengadakannya. Mereka hanya melakukan perkara yang wajib dan mudah pada sesuatu upacara.

Namun begitu, adat-adat seperti pelamaran, seterusnya upacara pernikahan dan walimatul urus masih diamalkan. Permulaan bagi yang hendak berkahwin ianya dimulai dengan merisik. Kemudian, pelamaran iaitu seorang lelaki bersama orang tuanya akan pergi ke rumah si gadis untuk sesi suai kenal dan menyampaikan lamaran secara lisan atau bertulis. Sekiranya si gadis bersetuju, pihak lelaki akan memberikan hadiah kepada si perempuan seperti pakaian, perhiasan dan wang tunai untuk menentukan tarikh pertunangan. Sebelum tibanya hari pernikahan, beberapa upacara perlu dilakukan bagi menyempurnakan pernikahan tersebut. Ianya seperti melakukan persiapan dari awal sehingga akhir. Kebiasaanannya persiapan akan dilakukan selama sebulan yang dimulai dengan edaran kad jemputan perkahwinan untuk menjemput saudara-mara, rakan taulan dan juga jiran tetangga untuk hadir pada majlis tersebut. Segala persiapan akan diketuai oleh ibu bapa pengantin perempuan yang akan menentukan apakah yang akan dilakukan pada hari

berlangsungnya majlis, apakah makanan yang bakal dihidangkan dan juga kelengkapan untuk memasak, tempat untuk memasak dan sebagainya. Tuan

rumah juga perlu memilih tarikh yang sesuai untuk melangsungkan majlis tersebut supaya tidak berlaku sebarang masalah di hari istimewa itu. Segala persiapan dari segi memasak dan urusan di hari istimewa itu dilakukan secara rewang bagi memudahkan proses persiapan dan mengeratkan hubungan dengan masyarakat. Semasa upacara pernikahan berlangsung, akad nikah merupakan upacara pernikahan agama dan secara rasmi. Bagi yang beragama Islam, kebiasannya dilakukan di masjid ataupun di rumah. Bagi masyarakat Jawa, si pengantin perempuan dikehendaki memakai kain dan kebaya putih yang halus sekali dan juga memakai bunga melati di rambutnya manakala pengantin lelaki pula akan dipakaikan kopiah. Semasa upacara ijab dan kabul, kedudukan pengantin lelaki perlu menghadap pengantin perempuan dan pengantin perempuan pula perlu duduk di tengah-tengah diantara ibu dan bapanya. Sesudah majlis ijab dan kabul dilaksanakan, si pengantin akan diraikan dengan majlis resepsi bagi merayakan pernikahan. Tetamu yang datang akan memberi hadiah dan bersalaman serta mendoakan perkara yang baik-baik kepada pihak pengantin untuk meneruskan kehidupan bersama sehingga ke anak cucu.

Kelahiran

Kelahiran merupakan suatu yang dinanti-nantikan apabila ada ahli keluarga yang sudah berkahwin. Upacara seperti menyambut kelahiran ahli keluarga baru akan diadakan oleh masyarakat. Selain itu juga, bagi masyarakat Jawa mereka masih mempunyai adat dan tradisi yang masih diamalkan bagi mengekalkan keaslian masyarakat mereka dan setiap upacara yang dilakukan mempunyai maknanya yang tersendiri.

Menurut Aisah Hossin (2012), beliau mengakui ramai yang berpendapat bahawa semasa di awal kehamilan golongan ibu terutamanya wanita yang mengandung bayi sulung akan dihujani dengan pelbagai nasihat dan pantang larang bagi menjaga kandungan mereka. Terdapat pelbagai pantang larang yang perlu diikuti bagi memperolehi zuriat yang sihat selain daripada berserah kepada Allah s.w.t semata-mata.

Menurutnya lagi, pantang larang ini bukan sahaja perlu dipatuhi oleh ibu yang sedang mengandung, tetapi juga para suami. Hal ini kerana, komuniti jawa percaya bahawa suami juga memberi pengaruh yang besar kepada bayi yang sedang dikandung sama seperti ibu mengandung. Amalan yang dilakukan bagi kebiasaan masyarakat Jawa ialah selapan. Selapan merupakan majlis jamuan yang dilakukan semasa kandungan berusia tiga bulan yang bertujuan memastikan anak lahir dengan selamat. Seterusnya lenggang perut. Masyarakat Melayu juga mengamalkan upacara ini dan kebiasannya amalan ini akan dilakukan ketika usia kandungan berusia tujuh bulan yang bertujuan memastikan bayi berada di tempat yang sepatutnya sebelum dilahirkan iaitu bahagian kepala berada di pintu rahim dan memudahkan proses kelahiran. Setelah bayi dilahirkan, tuan rumah akan menunggu ketibaan tetamu selama tujuh hari tujuh malam dan ini dinamakan mui. Mengikut kepercayaan masyarakat Jawa, kaum wanita akan menziarahi pada waktu siang manakala kaum lelaki pula akan datang pada waktu malam. Ini adalah kerana mereka berpendapat si ibu pada waktu ini lemah semangat dan si bayi pula mudah disampuk oleh kuasa jahat. Kemudian, amalan menanam uri dilakukan dan mengikut kepercayaan Jawa, sekiranya si bayi mempunyai abang atau kakak, mereka perlu memijak uri tersebut bertujuan bahawa adik beradik tidak akan berkelahi dan sekiranya mereka bergaduh hubungan mereka akan terputus. Amalan seterusnya ialah belah mulut dimananya bayi tersebut akan diberikan air zam zam, madu dan tamar sebelum bayi diberikan susu ibunya. Selain itu, ibu yang baru melahirkan akan berpantang selama 40 hari dari segi pemakanan serta aktiviti harian. Sepanjang tempoh berpantang, si ibu dikehendaki memakai bengkung, berurut dan aktivit-aktiviti yang lain.

Makanan

Masyarakat Jawa juga terkenal dengan makanan tradisi mereka. Biasanya nama dan istilah yang digunakan adalah berlainan dengan masyarakat luar semasa menjalankan majlis tertentu seperti majlis kesyukuran, cukur jambul dan majlis tahlil, manisan yang selalu di buat oleh masyarakat Jawa adalah “Nasi Ambeng” atau dalam istilah lainnya Nasi Ambang. Makanan ini hanya dibuat untuk meraikan sesuatu majlis dan

dihadangkan kepada tetamu. Makanan ini menjadi tradisi di mana makanan ini wajib dihadangkan ketika melakukan sesuatu majlis. Nasi Ambeng adalah

hidangan nasi wangi yang terdiri daripada nasi putih kukus, kari ayam atau ayam kicap, rendang daging lembu atau ayam, sambal goreng jawa iaitu gorengan tauhu, tempe dan kacang panjang, urap, bergedel, mee goreng, telur masin dan serunding. Nasi Ambeng juga turut menjadi makanan popular di kalangan masyarakat terutamanya dalam masyarakat Jawa-Melayu di negeri-negeri di Malaysia seperti di Johor dan Selangor, Singapura serta di Jawa, Indonesia. Nasi ambeng akan disajikan di dalam talam dan akan dimakan beramai-ramai antara empat hingga lima orang terutamanya semasa majlis perayaan atau hari istimewa seperti kenduri.



Gambar 1: Nasi ambeng yang dihidangkan di hari keramaian

Selain itu, “tempe” juga merupakan makanan tradisi masyarakat Jawa. Tempe atau istilah lainnya dikenali sebagai tempe daun pisang. Makanan ini sangat terkenal bukan sahaja dikalangan orang Jawa malahan juga oleh masyarakat lain. Penghasilan tempe ini menggunakan soya yang hanya boleh didapati di kampung-kampung. Menurut Tuan Haji Kamarudin 2019, cara penyediaannya tempe ini sangat mudah di mana kita perlu menyediakan kacang soya, dan dibungkus dengan daun pisang atau plastik, kemudian digoreng sehingga garing. Selalunya tempe yang dibungkus dengan daun pisang sangat lembut manakala tempe dibungkus dengan plastic sangat keras. Namun demikian tempe yang dibungkus dengan plastic amat sesuai digoreng kerana tidak mudah pecah. Tempe ini boleh disimpan dalam jangka masa yang lama dan boleh bertahan sehingga lebih enam bulan. Tempe ini juga merupakan makanan tradisi orang Jawa yang sentiasa menjadi kegemaran dan pembuka selera.



Gambar 2: Tempe dalam masyarakat Jawa

Disamping itu, sayur bening juga merupakan makanan dari masyarakat Jawa. Sayur bening terdiri daripada minyak, tumisan bawang merah bersama bawang putih sehingga kekuningan, udang kering, bahagian batang bayam, bahagian daun bayam serta diikuti air yang secukupnya. Kemudian sos tiram, cili merah dan garam perlu disediakan secukup rasa. Selepas itu, sayur tersebut akan direbus hingga mendidih dan terhasilah sayur bening. Menurut Tuan Haji Kamarudin(2019), cara penyediaan sayur bening ini sangat mudah di mana kita perlu menyediakan bahan tumis seperti bawang putih, bawang merah, bawang besar, halia, cili kering dan masukkan sayur tidak kisah sayur apa saja ditambah suhun dan sedikit cili merah.



Gambar 3: Sayur Bening dalam masyarakat Jawa

Makanan masyarakat Jawa yang seterusnya adalah sambal godok (sambel godok dalam Bahasa Jawa). Sambal godok lebih dikenali sebagai sambal taun. Sambal taun sangat tahan lama dan susah untuk basi. Sambal godok biasanya kering dimana menurut orang jawa sambal goreng ini lain dari yang lain. Biasanya sambal godok ada tempe, ada kentang, ada udang, ada suhun, ada tauhu. Tauhu ni berair yang menyebakan ia cepat basi. Kebanyakan masyarakat Jawa pada masakini jarang meletakkan tauhu dalam

sambal godok. Ada yang meletakkan kicap dan ada juga yang meletakkan cili giling atau cili boh.



Gambar 4: Sambal Godok

Selain dari itu masyarakat Jawa juga menggemari makanan dari masyarakat lain seperti nasi padang yang berasal dari Minangkabau. Nasi padang terdiri daripada beras, susu cair, sup tomato, daging, minyak sapi, udang, bawang putih, halia, kulit kayu manis, cengkih, pelage, daun bawang, daun sup, telur, ayam, garam dan kunyit. Menurut Tuan Haji Kamarudin Sabran, nasi padang berasal dari tempat yang dinamakan Padang. Oleh itu, dipanggil nasi padang. Orang minang ramai datang dari padang. Kelebihan nasi padang adalah rendangnya yang sedap. Rendang yang dimasak oleh orang minang memang sedap. Biasanya berwarna hitam dan dibuat dari limpa lembu, hati lembu, daging lembu.



Gambar 5: Nasi Padang

Permainan



Gambar 6: Cempuling dalam masyarakat Jawa

Terdapat beberapa permainan dalam masyarakat Jawa. Antaranya adalah cempuling. Ia merupakan sebuah permainan muzik masyarakat Jawa yang menggamit memori kerana dendangan lagu-lagunya yang menyebabkan pendengar sentiasa ingat-mengingati di antara satu sama lain. Afeeqa Afeera (2015), mengatakan enteng-enteng merupakan nadi kepada permainan cempuling dan seseorang yang ingin bermain muzik cempuling ini seharusnya mahir bermain dengan alatan enteng-enteng ini serta perlu belajar dari seorang guru. Seni cempuling mula bertapak di Klang, Selangor pada tahun 1930 oleh Tuan Haji Ikhsan [Kasban]. Belia juga merupakan pelopor permainan seni cempuling di Bukit Kapar, sehingga tahun 60an. Pada tahun 1960, terdapat tiga kumpulan seni cempuling yang aktif di Kampung Bukit Kapar iaitu di kawasan lapis 7 Bukit Kapar di bawah pimpinan Tuan Haji Kasban, kawasan Masjid Bukit Kapar di oleh Haji Shafie Sulaiman manakala kawasan Paya Barat Bukit Kapar di bimbang oleh Haji Jaafar.

Namun begitu, pada tahun 1970, kumpulan Seni Cempuling di Bukit Kapar hampir pupus disebabkan kebanyakkan ahlinya telah berpindah ke daerah lain dan negeri lain untuk mencari Sandang Pangan. Mohammad Amir (2016), menjelaskan bahawa Sandang bermaksud pakaian dan Pangan bermaksud makanan. Segelintir daripada mereka yang berpindah telah menuju kumpulan cempuling baru daerah masing-masing seperti di Sungai Lang, Kampung Endah dan Kanchung di daerah Sungai Langat. Bagi mengelakkan permainan cempuling ini hilang di mata masyarakat, ahli-ahli muzik Cempuling di Bukit Kapar telah bersatu bagi menghidupkan semula

kumpulan Seni Cempuling walaupun terdapat beberapa kerumitan untuk mendapatkan ahli baru. Ini adalah disebabkan oleh golongan remaja tidak begitu mendapat pendedahan tentang muzik cempuling ini.

Kumpulan Seni Cempuling Era Baru di bawah pimpinan Tuan Mustakim Abdullah mula bergerak pada tahun 1985. Setelah dua puluh tahun berlalu, nama kumpulan tersebut ditukar kepada Seni Cempuling Warisan Era Baru dan pengambilan ahli baharu dijalankan bagi menggantikan para ahli yang telah meninggal dunia dan setengahnya yang uzur. Ia dipimpin oleh Tuan Zuha Bin Shuhadi. Seni Cempuling Warisan Era Baru menuju kearah kemodenan dari segi ahli yang terdiri daripada remaja hingga kanak-kanak sehingga berumur 10 tahun persesembahan, pakaian, senikata lagu (yang diubah senikatanya di dalam bahasa melayu) tanpa membuang unsur-unsur tradisionalnya. Sejak tahun 2000 sehingga kini Seni Cempuling Warisan Era Baru Bukit Kapar ini telah menjadi satu kumpulan yang aktif di daerah, negeri, negara dan negara. Menurut Harian Metro (2015), kumpulan tersebut merupakan salah satu daripada sembilan kumpulan muzik tradisi masyarakat Jawa dikenali cempuling telah mencatat nama dalam Malaysia Book of Records (MBOR) selepas mengadakan persesembahan selama 25 jam tanpa henti pada 19 December 2015 di inap desa Sungai Haji Dorani, Parit Dua, Sabak Bernam. Tambahan juga, kumpulan ini juga telah membuat persesembahan sempena Seminar Kebangsaan Teater Rakyat di Universiti Putra Malaysia pada tahun 1996. Pada masakini, terdapat lebih daripada 20 kumpulan Cempuling di sekitar Selangor. Ini menunjukkan satu petanda baik di dalam kita menghadapi zaman millenium dimana seni tradisional ini tidak kita pinggirkan.



Gambar 7: Jelon dalam masyarakat Jawa

Satu lagi permainan dalam masyarakat Jawa adalah Jelon atau Galah Panjang. Ia adalah sejenis permainan tradisional yang dimainkan di atas gelanggang yang dilakar di atas tanah kosong. Gelanggang yang dibuat mengandungi dua lajur dan beberapa baris bergantung kepada bilangan pemain. Gelanggang galah panjang dibuat mengikut bilangan pemain yang bermain permainan tersebut. Contohnya jika pemain ada sepuluh orang, gelanggang yang dibuat mengandungi empat baris. Jika bilangan pemain sebanyak lapan orang, gelanggang galah panjang mengandungi tiga baris. Permainan ini melibatkan kepakaran seorang ketua atau ibu untuk mengawal gerakan anak buah bagi pihak yang mengawal gelanggang. Manakala kecekapan dan kepentasan teruji kepada pihak yang menempuh gelanggang. Jika pihak menempuh gelanggang mempunyai kebijaksanaan menempuh gelanggang, maka mereka boleh menang dengan mudah.

Ciri-ciri masyarakat Jawa

Orang Jawa sering dianggap orang yang sopan dan mempunyai jiwa yang halus. Antara unsur kesopanan yang diamalkan adalah seperti menundukkan pandangan ketika berjalan di depan orang. Menurut tokoh yang kami temubual, hanya orang yang kurang ajar sahaja yang tidak menundukkan pandangan ketika berjalan di hadapan orang tua atau warga emas. Selain dari itu, sifat pemalu, suka menyapa, ramah, pandai menjaga etika, sopan santun, kuat bekerja, menurut perintah, suka menolong orang juga merupakan sebahagian dari perkara yang dikaitkan dengan masyarakat Jawa.

Kesimpulan

Kesimpulannya, masyarakat Jawa ini mempunyai keunikan dan keaslian identiti yang tersendiri. Justeru, golongan generasi muda seharusnya dapat belajar dan menghayati tradisi masyarakat Jawa. Keunikan masyarakat Jawa ini haruslah diperkembangkan mengikut peredaran zaman supaya generasi muda akan tertarik untuk meminati dan mempelajari identiti masyarakat Jawa. Selain itu, semua pelbagai pihak haruslah memainkan

peranan yang penting dalam memartabatkan adat dan tradisi masyarakat Jawa, contohnya Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) haruslah memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada perkembangan dan mengkomersialkan kesenian yang terdapat dalam masyarakat Jawa ini dengan lebih meluas. Masyarakat Jawa telah lama bertapak dalam budaya masyarakat Malaysia. Budaya masyarakat Jawa telah diwarisi sejak turun-temurun dalam pelbagai lapisan keturunan Jawa di Semenanjung Malaysia. Masyarakat Jawa sekarang ini sudah mengalami arus permodenan dan berubah seiring dengan kepesatan kemajuan negara. Ini terbukti dengan penglibatan orang Jawa dalam bidang keusahawanan dan politik. Dengan terdapat banyak ahli-ahli politik yang berketurunan Jawa, ia membuktikan bahawa masyarakat Jawa masa kini sudah boleh menerima pembelajaran dari sekolah-sekolah kerajaan dan dapat mengimbangi antara hal-hal dunia dan akhirat. Di samping itu pemikiran mereka dan kefahaman mereka terhadap sifat kesukuan juga telah terhakis kerana mereka lebih bersifat terbuka dalam menerima percampuran dari segi perkahwinan dengan etnik lain di Malaysia seperti Bugis, Melayu dan sebagainya. Namun begitu, proses asimilasi yang berlaku disebabkan oleh percampuran masyarakat majmuk di Malaysia menjadikan budaya Jawa semakin tidak diamalkan tetapi sentiasa diingati oleh masyarakat yang berdarah Jawa.

Rujukan

Afeeqa Afeera. (2015). Seni Muzik Cempuling Pupuk Perpaduan Masyarakat.

Sabak Bernam. Diakses pada Jun 15, 2019 dari <http://selangorkini.my/2015/12/seni-muzik-cempuling-pupuk-perpaduan-masyarakat/>

Aisah Hossin, Nurulaisyah Rosli, Norhuda Salleh, Ahmad Tarmizi Abd.Rahman, Budi Anto Tamring (2012). Adat Kelahiran Komuniti Jawa: Tinjauan Di Kg. Jawa Dua, Sandakan Sabah.

Diakses pada Mei 20,2019 dari https://www.academia.edu/6769428/Adat_kelahiran_komuniti_Jawa

Amran Kasimin. (1989). Istiadat Perkahwinan Jawa: Satu Kajian Perbandingan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Fuad Hadinata Yaacob. (2015, December 20). Cempuling cipta rekod. Harian metro.

Anas Aron. (2018). Cara Mudah Belajar Bahasa Jawa. Diakses pada Mei 15, 2019 dari <https://thegorbalsla.com/bahasajawa/Hadiwijoyo>.

M., Hendrato, A., & Rokhyatmo, W. (2002). Cempuling (3rd ed.). Jakarta [Indonesia]: Balai Pustaka.

Harijatiwidjaja,N. (2008). Ensiklopedia makanan populer di Jawa. Bandung: Balai Bahasa Bandung.

Jamoran Yana, Z., & WC Yew1, V. (2017). Amalan rewang dalam masyarakat Jawa di Malaysia. Diakses pada Mei 10, 2019 dari <http://jurnalarticle.ukm.my/12535/1/20272-57853-1-PB.com>

Khazin Mohd Tamrin. (1977). Orang Jawa di Selangor kedatangan dan penempatan. Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies 7, 68-97.

Liwijaya-Kuntaraf, K., Kuntaraf, J., & Budiati, W.(1984). Permainan Tradisional Jawa. Bandung, Jawa: Indonesia Pub. House.

Miftahul Huda. (2007). Islam dan tradisi Jawa : Pencarian Motif dan Makna dalam Tradisi Selametan Mendirikan Rumah di Dusun Gentan Ngrupit Jenangan Ponorogo. Jurusan Syariah dan Ekonomi Islam STAIN Ponorogo.

Mohammad Amir. (2016). Sandang Pangan. Diakses pada Mei 17,2019 dari https://tabulafirmus.nl/7036/Sandang_Pangan.html

Nasi ambeng. (2019, Mei 13). Dalam Wikipedia, ensiklopedia percuma. Diakses pada Mei 14, 2019 dari https://en.wikipedia.org/wiki/Nasi_ambeng

Sumber penyelidikan (2019). Mohd Kamarudin bin Sabran.

Syed Alwi Sheikh Al-Hadi. (1986). Adat Resam dan Adat Istiadat Jawa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Abidin Borhan, Zainal Kling, Zorazit Selat & Mohd Ramli Raman. (1996). Adat Istiadat Jawa. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Zahir Zainudin, & profile, V. (2015). Silang budaya masyarakat Melayu dan Jawa dalam perkahwinan. Diakses pada Mei 10, 2019 dari <http://zahirzainudin.blogspot.com/2015/07/silang-budaya-masyarakat-melayu-dan.jaw>